



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

TABIKA PERPADUAN DAN TASKA PERPADUAN TERIMA PERUNTUKAN RM55.5 JUTA TAHUN 2026

SEPANG, 12 Januari 2026 – Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan terus diberikan tumpuan oleh Kerajaan MADANI dengan **peruntukan sebanyak RM55.5 juta bagi sesi tahun 2026**. Perkara tersebut diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara semasa menyempurnakan **Program Santuni Murid Tabika Perpaduan Kembali Ke Tabika Perpaduan Sesi Tahun 2026** di Tabika Perpaduan Seroja, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang.

Peruntukan yang disalurkan tersebut bertujuan untuk **menyediakan sokongan dan bantuan kepada murid Tabika Perpaduan dan kanak-kanak Taska Perpaduan di samping memupuk minat dan motivasi pembelajaran serta membantu mengurangkan beban kewangan ibu bapa** dalam menyediakan keperluan murid-murid dalam memulakan sesi persekolahan. Perincian peruntukan Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan bagi sesi tahun 2026 adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	Bantuan Makanan Tambahan	24,391,250.00
2.	Geran Per Kapita	3,500,000.00
3.	Insurans	359,640.00
4.	<i>Starter Kit</i> (baju seragam, beg galas, selimut dan tuala)	2,293,600.00
5.	Peralatan, pengajaran dan pembelajaran dan keselamatan	1,928,972.00
6.	Tabika Perpaduan Kondusif (pembaikan)	20,000,000.00
7.	Program Pengukuhan Profesionalisme Guru Tabika Perpaduan dan	300,630.00

	Pendidik Taska Perpaduan	
8.	Program Generasi Cilik Perpaduan	2,706,551.00

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata, penyertaan murid Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan pada hari pertama sesi tahun 2026 adalah **seramai 33,307 murid** (4 hingga 6 tahun) berdaftar di **1,781 Tabika Perpaduan** dan **seramai 998 kanak-kanak** (2 hingga 4 tahun) berdaftar di **41 Taska Perpaduan** seluruh negara. Beliau turut menyatakan bahawa **Taska dan Tabika Perpaduan merupakan antara pusat pendidikan awal kanak-kanak dalam negara yang menyediakan perkhidmatan percuma tanpa sebarang bayaran.**

Selain itu, Tabika Perpaduan juga akan melaksanakan **Kurikulum Prasekolah yang baharu bermula tahun ini** dengan menerapkan nilai perpaduan, hormat dan kasih sayang sejak di awal usia selari dengan fokus Kementerian iaitu **pembinaan Negara Bangsa** yang **bermatlamat membentuk generasi muda yang berjiwa patriotik, sekaligus memperkasakan murid-murid ini sebagai ejen perubahan sosial.** Selain itu, modul-modul khas seperti modul Rukun Negara dan Bahasa Ketiga (Tamil, Mandarin, Iban dan Kadazan) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) juga akan **disejajarkan dalam pelaksanaan Kurikulum Prasekolah 2026.**

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

12 Januari 2026

KPN.100-9/1/16 (1)